

info

LATIHAN INOVATIF KOPERASI PROGRESIF



BIL 1/2015 • ISSN: 0127-1023



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

MKM - Bank Rakyat dan MKM - PNS



Majlis Menandatangani
Ikrar Integriti Korporat



Peluang Koperasi
dalam Krisis Ekonomi Kini



Industri Hartanah:
Perkembangan, Isu dan
Cabaran Pelaksanaannya



Bicara Profesional:
Kepimpinan Lelaki Dan
Wanita Dalam Koperasi

Ucapan Tahniah & Penghargaan



YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof
bin Kasim



YBhg. Datuk Yusof
bin Samsudin

Seluruh warga MKM ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Rektor Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) di atas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Februari 2015 untuk sesi 2015/2017.

Beliau menggantikan Datuk Yusof bin Samsudin yang telah tamat tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah MKM bagi sesi 2013/2015.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
Ketua Pengarah

Pn. Norwatim binti Hj. Abdul Latiff
Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)

KETUA EDITOR

Pn. Hjh. Julia Bee binti Ramjan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

EDITOR

En. Nasharuddin bin Mohd Ali
Unit Komunikasi Korporat

Pn. R. Zarinatun binti Mohd Abdul Kader
Pusat Dasar & Antarabangsa

En. Mohamad Suandi bin Mortadza
Cawangan Sarawak

Pn. Arfizawati binti Abd Hadi
Cawangan Sabah

Pn. Rohalinda binti Ahad
Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Pn. Sharifah Shuzaida binti Saedin
Pusat Konsultasi & Penyelidikan

Pn. Nor Aslamiah binti Ali
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pn. Yusnita binti Othman
Zon Utara

Cik Norhazilina binti Abdul Halim
Zon Timur

Pn. Nor Alyani binti Abdul Razak
Pusat Perakaunan & Kewangan

Pn. Afizah binti Abdul Jalal
Zon Selatan

Cik Siti Hajar binti Saaey
Pusat Pendidikan Tinggi

Pn. Afiza Binti Abdul Karim
Bahagian Pentadbiran Akademik

Cik Nur Shuhada binti Ali
Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Cik Zaharatul Laili binti Zakaria
Pusat Konsultasi & Penyelidikan

Pn. Nuur Fadzillah binti Zulkepli
Unit Komunikasi Korporat

URUS SETIA

Pn. Sharepah Nur Azirah binti Shareh Abd Rahman

JURUFOTO

En. Muhammad Azri bin Kamis
En. Mohd Norhisyam bin Md Daud

PENCETAK

Ultimate Print Sdn. Bhd.
Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd.
Lot 2, Jalan Sepana 15/3
Off Persiaran Selangor
Seksyen 15
40200 Shah Alam
Selangor

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Syukur dipanjatkan kepada Allah SWT dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita berbicara lagi dalam edisi kali ini. Sesungguhnya kita terlalu banyak berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang diuji Allah SWT sepanjang tahun 2014. Namun di sebalik kejadian dan kesedihan yang berlaku, ada hikmah yang dapat dijadikan tauladan agar kita terus bersyukur serta redha dengan ketentuan-Nya.

Begitu juga dengan sidang redaksi majalah INFO MKM kali ini, akan terus memaparkan pelbagai peristiwa menarik yang telah berlaku di sepanjang awal tahun 2015 yang akan menjadi iktibar kepada seluruh warga koperasi.

1hb April adalah tarikh keramat kepada seluruh rakyat Malaysia apabila kerajaan melaksanakan Goods and Services Tax (GST) bagi menggantikan Sales and Services Tax (SST) yang telah lama digunakan. Matlamat utama pelaksanaan GST adalah untuk memberi nilai tambah kepada cukai jualan dan perkhidmatan yang sedia ada bagi kesejahteraan rakyat dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu. GST juga secara tidak langsung akan membantu kerajaan dalam melaksanakan pelbagai agenda pembangunan negara di masa hadapan.

Agar terus berjaya kita kadang kala perlu melakukan perubahan. Seiring dengan Transformasi MKM, INFO MKM kali ini berwajah baru dengan konsep editorial yang lebih dinamik dan mantap. Perubahan ini akan memberi sedikit kelainan dari edisi-edisi sebelumnya dalam usaha memenuhi cita rasa pembaca masa kini yang lebih kritis dan inginkan perubahan. Sehubungan itu, paparan peristiwa penting seperti Memorandum Persefahaman MKM-Bank Rakyat dan MKM-Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 menjadi pembuka bicara untuk edisi kali ini.

Adalah menjadi harapan besar agar perubahan yang dilakukan ini akan membawa perspektif baharu yang lebih segar kepada pembaca khususnya warga Koperasi. Kami juga mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan daripada anda untuk menambah baik penerbitan pada masa hadapan.

Sekian, Terima kasih.

Hajah Julia Bee Bt Ramjan

Ketua Editor

KANDUNGAN

MAJALAH INFO • BIL 1/2015

EKSKLUSIF

- 05** Memorandum Persefahaman MKM-Bank Rakyat dan MKM-PNS
- 06** Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat
- 08** Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

PELAWAT

- 10** Lawatan Koperasi Visuvamadu Farmers Multi-Purpose Co-op Society Ltd

LAWATAN



- 11** Koperasi KOPES Hab Halal Produk Koperasi

GALERI

- 12** Program Pasca Banjir
- 12** Lawatan dari AKPK
- 13** Kunjungan Mesra dari ANGKASA
- 13** Sekalung Budi En. Haris bin Mohd Alwi

PERSPEKTIF

- 14** Perbezaan Kepimpinan Lelaki dan Wanita Dalam Koperasi
- 15** GST: Pelaksanaan di Pengurusan Koperasi
- 17** Peluang Koperasi dalam Krisis Ekonomi Kini



BERITA KAKITANGAN

- 19** Program Kepakaran Koperasi Perhotelan di Jakarta, Indonesia

BERITA CAWANGAN

- 20** Kesedaran dan Latihan GST
- 21** Lawatan Mesra & Taklimat Program Latihan 2015 MKM Cawangan Sarawak
- 22** Industri Hartanah: Perkembangan, Isu dan Cabaran Pelaksanaannya



- 24** Daya Saing Usahawan Koperasi

BULETIN PELAJAR

- 25** Misi Bantuan Banjir
- 26** Program Gotong-royong pelajar Diploma Pengurusan Koperasi

LAWATAN

- 27** Lawatan Kerja Anggota Lembaga Pengarah MKM Ke Koperasi Warga USM Kelantan Berhad



⚡ Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman MKM-Bank Rakyat dan MKM-PNS disaksikan oleh YB Menteri PDNKK

Memorandum Persefahaman MKM-Bank Rakyat Dan MKM-Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

■ Haslinda Sujak, Pusat Dasar & Antarabangsa

Pendekatan National Blue Ocean Strategy (NBOS) betul-betul diamalkan di MKM. Acara penting 19 Mac 2015 lalu membuktikan apa yang selalu disarankan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menjadi kenyataan. Selaras dengan NBOS pada tarikh tersebut telah dimeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara MKM dengan dua buah lagi agensi di bawah kementerian berkenaan iaitu Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad. Strategi Lautan Biru Kebangsaan ini pasti memperkasakan lagi apa juga langkah murni kementerian.

Majlis Menandatangani MOU antara MKM-Bank Rakyat dan MKM-PNS ini dilihat sebagai inisiatif kerjasama antara jabatan dan agensi yang bertujuan untuk mengoptimalkan kepakaran dan penggunaan sumber sedia ada. Secara umumnya, kedua-dua kerjasama merangkumi usaha bagi memantapkan hubungan kerjasama dalam perniagaan dan pembangunan koperasi, program pendidikan serta latihan koperasi.

Kerjasama dengan Bank Rakyat khususnya membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk menjalankan aktiviti pemasaran secara bersama. Selain turut bersetuju dalam usaha mempromosikan produk keluaran koperasi yang dilatih MKM melalui penyediaan ruang pameran produk keusahawanan koperasi di setiap cawangan Bank Rakyat. Dari segi kerjasama bidang penyelidikan, MKM diberi ruang menggunakan produk atau kepakaran Bank Rakyat sebagai subjek dalam kajian yang dijalankan. Manakala Bank Rakyat pula sedia berkongsi kepakaran sebagai penceramah dalam program dan seminar yang dianjurkan oleh MKM. Kerjasama

ini turut memberi peluang kepada warga kerja Bank Rakyat meningkatkan kompetensi melalui program latihan anjuran MKM atau menyambung pelajaran ke peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda di MKM.

Kerjasama yang dipersetujui bersama PNS pula lebih spesifik kepada nilai tambah program jangka panjang yang dijalankan oleh MKM. Peretujuan ini meliputi kesediaan PNS untuk menjadi tempat Latihan Praktikum (Internship) bagi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pentadbiran Koperasi) MKM yang berminat untuk menjurus dalam bidang francais. Kedua-dua, pihak PNS bersedia mewujudkan Latihan Perantisan (Apprenticeship) bagi graduan lepasan diploma dan ijazah MKM. Program yang bertujuan untuk menghasilkan pelatih perantis perniagaan ini akan dipanjangkan kepada graduan yang berminat mendalami perniagaan francais. Dalam program ini, bimbingan diberikan oleh francaisor untuk memahami selok-belok perniagaan francais yang dipilih.

Melalui kerjasama strategik ini, ketiga-tiga pihak berharap sumber dan kepakaran sedia ada dapat digunakan dengan cekap. Selain mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada agensi dan organisasi terlibat, bahkan kepada pelajar program jangka panjang MKM dan gerakan koperasi secara umumnya. Diharapkan dengan adanya Memorandum Persefahaman ini, kelebihan setiap agensi di bawah kementerian dapat digunakan bagi membangunkan gerakan koperasi ke arah pencapaian Dasar Koperasi Negara yang lebih cemerlang. Inilah intipati hasrat murni yang diharapkan oleh kementerian melalui NBOS.



Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP)

■ Nor Azila Md Tauhid, Unit Integriti

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sentiasa prihatin terhadap usaha membanteras rasuah. Kesungguhan dalam memerangi gejala negatif itu telah diperkuhkan dengan Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang ditandatangani pada 16 Februari 2015.

Majlis Menandatangani Ikrar di antara MKM dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

YB Dato' Sri Hasan bin Malek dalam ucapannya berkata,



▲ Prof. Datuk Mohd Yusuf bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM menyampaikan ucapan aluan



▲ YB Menteri PDNKK menyambut baik langkah proaktif MKM dalam meningkatkan integriti warga kerjanya

MKM merupakan agensi di bawah KPDNKK yang ketiga menandatangani ikrar berkenaan.

"MKM telah mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan integriti warganya sebelum menandatangani Ikrar Integriti Korporat ini iaitu dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas dasar dan prosedur kerja."

"Kita tidak mahu majlis hari ini hanya menjadi medan untuk mempamerkan komitmen Pengurusan Tertinggi tanpa sokongan seluruh warga dan tanpa tindakan susulan. Program ini merupakan langkah penting dalam membentuk amalan "Good Corporate Governance" dan tahap akauntabiliti yang tinggi serta mengaplikasikan "Good Business Ethics."

"Ikrar yang ditandatangani seharusnya menjadi pedoman

✔ Sesi menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Ketua Pengarah, Maktab Koperasi Malaysia

✔ Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin, wakil dari MKMGH menandatangani Ikrar Integriti Korporat



daripada peringkat atasan sehingga ke peringkat paling bawah untuk mendokong prinsip integriti dalam melaksanakan tanggungjawab seharian," katanya.

Program ini diharap dapat memberi impak terhadap keberkesanan dan kecekapan dalam sistem penyampaian. Seterusnya peningkatan terhadap produktiviti MKM bertepatan dengan iltizam kerajaan untuk memperkasakan nilai integriti.

Sementara itu bacaan Ikrar Integriti dan sesi Menandatangani Ikrar Integriti Korporat telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MKM Global Holdings, dan Pengerusi Koperasi Kakitangan Maktab Kerjasama Malaysia Berhad sambil disaksikan oleh YB



✔ Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan, Pengerusi Koperasi Kakitangan Maktab Kerjasama Malaysia Berhad menandatangani Ikrar Integriti Korporat

Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta YBhg. Dato' Hj. Mohamad Yusoff Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah Pelancaran Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Maktab Koperasi Malaysia.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2014 yang berlangsung di Auditorium Dato' Abdul Majid pada 19 Mac 2015 telah membariskan penjawat awam cemerlang MKM. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan Malek sendiri telah menyempurnakan majlis berkenaan. Syabas kepada penerima anugerah. Turut hadir Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga MKM, Dato' Basaruddin bin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) KPDNKK, Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPDNKK, Datuk Nik Ali bin Mat Yunus, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah MKM, Datuk Mustafha bin Hj. Abd. Razak, Pengarah Urusan/Presiden Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin,

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2014

Wan Nur'Ain Wan Abd Rahim, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Penerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa

Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad, Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian dan Agensi, Anggota-anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi MKM, Pengarah Pusat dan Cawangan, Penolong Pengarah Unit, Ketua Unit dan warga kerja MKM.

Yang Berhormat Menteri mengingatkan bahawa penjawat awam merupakan tulang belakang dalam memacu pentadbiran dan pembangunan negara ke arah negara maju pada tahun 2020. Modal insan merupakan faktor penting dalam menjayakan agenda transformasi nasional. Dalam konteks ini, setiap agensi atau badan kerajaan mesti memainkan peranan proaktif untuk menarik bakat yang terbaik, mempromosikan nilai teras seperti komitmen, integriti dan profesionalisme serta membangunkan perkhidmatan awam berorientasikan merit. MKM sebagai sebuah agensi di bawah kementerian juga mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan modal insannya iaitu seluruh warga MKM mempunyai ciri-ciri yang disebutkan di atas. Lebih-lebih lagi sebagai sebuah pusat



Penerima Anugerah Kualiti Penyelidikan



➤ Penerima Anugerah Ketua Pengarah

latihan koperasi yang bertanggungjawab memberi latihan dan pendidikan kepada modal insan sektor koperasi seperti digariskan dalam Dasar Koperasi Negara.

Dalam ucapan tersebut, beliau turut menekankan sebagai pusat latihan yang juga menjalankan penyelidikan, MKM juga memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kumpulan penyelidik yang berjaya menghasilkan penyelidikan berkualiti dan dapat diguna pakai dalam gerakan koperasi. Syabas dan tahniah kepada penerima Anugerah Kualiti Penyelidikan MKM.

Beliau mengakhiri ucapan dengan meminta semua penerima, menjadikan anugerah yang diterima sebagai penerus iltizam untuk terus memacu pencapaian MKM dan Kementerian dengan lebih terkemuka setanding dengan pencapaian anggota perkhidmatan awam di negara-negara maju.

Seramai 19 orang pegawai dan warga kerja MKM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014. Manakala seramai enam orang pegawai dan warga kerja MKM telah menerima Anugerah Ketua Pengarah. Penghargaan tersebut diberikan kepada mereka yang komited dalam melaksanakan amanah dalam penghasilan kerja yang berkualiti dan cemerlang. Penghargaan juga diberikan kepada empat orang pegawai dan warga kerja MKM yang telah menabur jasa dan bakti selama 35, 30 dan 20 tahun di MKM. Senarai penerima anugerah adalah seperti berikut:

➤ Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1. Puan Norwatim bt. Hj. Abd. Latiff..... Timbalan Ketua Pengarah Gred E54
2. Puan Aishah bt. Ariffin..... Pegawai Latihan Gred E52
3. Puan Hj. Rahimah bt. Abd. Samad..... Pegawai Latihan Gred E48
4. Encik Mohd Zaib b. Mat Yunus..... Pegawai Latihan Gred E48
5. Encik Mohammad Pisah bin Ali Pegawai Latihan Gred E44
6. Puan Syarifah Rohaya bt. Wan Idris..... Pegawai Latihan Gred E44
7. Puan Noor Shafeeza bt. Zainuddin ... Pegawai Latihan Gred E41
8. Puan Azmalza bt. Arifin..... Pegawai Latihan Gred E41
9. Encik Khairul Akmal b. Saim..... Pustakawan Gred S41
10. Encik Mohd Rasid b. Abdul Hair Penolong Juruaudit Gred W27
11. Puan Rubiah bt. Sabran..... Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
12. Encik Fauzi b. Habib Penolong Pengurus Asrama Gred N27
13. Puan Siti Norehan bt. Shahari Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
14. Puan Asiah bt. Abd. Rahman Pembantu Akauntan Gred W17
15. Encik Mohd Nasrik b. Noorbasah Juruteknik Komputer Gred FT17
16. Tuan Haji Mohd Idris b. Abd. Malek Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17
17. Encik Tz Mohd Fitree b. Zakaria..... Juruteknik Komputer Gred FT17
18. Encik Shaiful Azly b. Kamsani..... Juruteknik Komputer Gred FT17
19. Encik Mohd Fitri b. Mohd Idris..... Pemandu Kenderaan Gred H11

Anugerah Ketua Pengarah

1. Encik Mohd Zulkifli b. Sedik..... Akauntan Gred W41
2. Encik Hafizal b. Abu Bakar Pegawai Latihan Gred E41
3. Puan Nor Alyani bt. Abdul Razak..... Pegawai Latihan Gred E41
4. Encik Mohd Hamzah b. Kasim..... Pegawai Latihan Gred E41
5. Encik Ebiyet Bustamin b. Ismail..... Juruteknik Komputer Gred FT17
6. Puan Misni bt. Aman..... Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17

Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 35 Tahun (1979)

1. Puan Halimah Rabiah bt. Hj. Asmuni..... Pembantu Tadbir (P/O) Gred N32

Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 30 Tahun (1983)

1. Encik Wan Idris b. Adnan..... Pembantu Perpustakaan Gred S17

Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa - 20 Tahun (1994)

1. Puan Zaleha bt. Yusof Pembantu Perpustakaan Gred S22
2. Encik Umar b. Harun..... Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17

Anugerah Kualiti Penyelidikan

TAJUK PENYELIDIKAN:
AR-RAHNU SEBAGAI SUMBER PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT: AMALAN PENYEDIA PERKHIDMATAN PASUKAN PENYELIDIK:

- i. Puan Norwatim bt. Hj. Abd Latiff
- ii. Puan Noraesyah bt. Saari
- iii. Encik Shamsul Khairi b. Abu Hassan
- iv. Puan R. Zarinatun bt. Abdul Kader
- v. Cik Norsyeirawani bt. Shari

Lawatan Delegasi Dari Koperasi Visuvamadu Farmers Multi-Purpose Cooperative Society

“Jalinan Kerjasama Antarabangsa MKM Dan Koperasi”

■ Nur Faeza Yahya, Pusat Dasar & Antarabangsa

Pada 30 Mac 2015 Maktab Koperasi Malaysia menerima kunjungan istimewa tetamu dari luar negara. Visuvamadu Farmers Multi-Purpose Cooperative Society (Visuvamadu) dari Sri Lanka datang untuk melihat kemajuan MKM sambil berkongsi idea dan pengalaman demi faedah bersama. Lawatan jalinan kerjasama ini diketuai oleh Mr. Samantha S. Pathirathna yang merupakan ketua perunding yang turut hadir bersama Ms Prasha Shriselvam dari Koperasi Visuvamadu. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik. Turut hadir dalam perbincangan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Pn. Norwatim Hj. Abdul Latiff, pengarah kanan, pengarah-pengarah pusat serta pegawai-pegawai kanan.

Lawatan jalinan kerjasama ini merupakan inisiatif permulaan Koperasi Visuvamadu untuk memulakan satu jaringan kerjasama dengan MKM. Objektif utama lawatan ini bertujuan mempelajari perkembangan gerakan koperasi di Malaysia dan bagaimana MKM dapat membantu Koperasi Visuvamadu dalam membangunkan koperasi - koperasi di Sri Lanka melalui



program – program pendidikan dan latihan koperasi. Ini kerana gerakan koperasi di Sri Lanka sendiri sedang berkembang. Sehubungan itu, koperasi ini melihat peluang untuk meluaskan jaringan perniagaan dan kerjasama strategik dari segi latihan dan pendidikan daripada gerakan koperasi di Malaysia.

Koperasi Visuvamadu adalah salah satu koperasi peladang tertua di Wilayah Utara Sri Lanka. Selepas berlakunya perang saudara 30 tahun yang lepas, koperasi dalam proses membangunkan semula ekonomi masyarakat setempat. Koperasi terlibat aktif dalam sektor perbankan, pengendalian kilang beras, sektor pengangkutan, restoran, pembungkusan dari dua agensi utama iaitu Nestle dan Pepsi.

Lawatan jalinan kerjasama ini berjaya mencapai matlamatnya dan hubungan baik ini akan disusuli dengan beberapa program yang telah dirancang bersama oleh kedua – dua belah pihak. Di akhir lawatan pihak koperasi bersetuju mengemukakan pelan perancangan yang akan dibawa ke perbincangan lanjut dengan MKM.



↗ Sesi perbincangan



↗ Sesi pertukaran Cenderamata Korporat oleh kedua-dua belah pihak

Koperasi Kopes Hab Halal Produk Koperasi

■ Nor Arma Abu Talib, Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Kata orang, jauh perjalanan luas pengetahuan. Berdasarkan falsafah ini Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi (CGL) telah mengadakan lawatan ke sebuah koperasi di Chembong, Negeri Sembilan pada 21 Januari 2015 untuk melihat dan bertukar fikiran mengenai cadangan mewujudkan Kilang Koperasi 1Malaysia. Lawatan ini turut disertai oleh pegawai SKM Negeri Sembilan, Pn. Norshidah binti Mohd Shah dan En. Muhammad Syafiq bin Saharudin. Koperasi ini dalam cadangan untuk menjadi Kilang Koperasi rapat dengan produk utama adalah barang COOP. Koperasi Perkasa Seremban Berhad (KOPES) telah ditubuhkan di bawah Zees Valley Bioscience Enterprise dan merupakan 100% perniagaan bumiputera bertaraf IKS.

Pekerjanya terdiri daripada penduduk setempat sekitar daerah Rembau, Negeri Sembilan. Kilang ini telah beroperasi hampir 8 tahun dan koperasi telah berusaha ke arah pengurusan hab halal. Pengurus Besar KOPES berpengalaman lebih 12 tahun sebagai pengusaha kilang OEM bagi produk minuman, penjagaan diri, kosmetik dan lain-lain. Kilang ini telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (MESTI) dan JAKIM (HALAL).



▲ Sesi taklimat oleh Pengurus KOPES



» Pegawai MKM dan SKM bersama ALK koperasi bergambar kenangan di hadapan kilang milik KOPES



▲ Kakitangan melakukan proses pembungkusan Kopi Senyum Semanis Kurma secara manual

KOPES sentiasa membantu dan membuka peluang kepada Bumiputera yang ingin memulakan perniagaan sendiri. KOPES juga mempunyai produk tersendiri seperti Cocoa Minda, Red Coffee, Kopi 2 Tongkat, Red Tamar Cafe, Collagen Extra, Slim Fibre, susu kambing, Multipurpose Gel Rub, Green Tea Detox Plus, Gluta Facial Cleanser, Zees Fresh Toothpaste, dan lain-lain. Selain itu KOPES menawarkan perkhidmatan kontrak pengilangan untuk pembungkusan produk minuman campuran & kesihatan, kosmetik serta produk penjagaan diri.

Pegawai MKM diberi peluang melawat sekitar kilang dan melihat sendiri pemprosesan dan pembungkusan Kopi Senyum Semanis Kurma dijalankan. Lawatan singkat ini amat bermanfaat dan diharapkan perniagaan KOPES berkembang maju menjadi Kilang Koperasi 1Malaysia seperti yang diharapkan.

✓ Ruang pameran dan jualan KOPES



Program
Pasca Banjir,
2 Jan



Lawatan dari Agensi
Kaunseling dan Pengurusan
Kredit (AKPK), 29 Jan





Kunjungan Mesra dari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), 5 Feb



Majlis Sekalung Budi sempena persaraan En. Haris bin Mohd Alwi, 19 Mac





Ucapan aluan oleh En. Azri bin Adam, Pen. Pengarah SKM Wilayah Kuala Pilah/Jempol



Sesi penyampaian cenderamata kepada penceramah jemputan

Menarik ditanya, apa beza antara kepimpinan lelaki dan wanita dalam koperasi? Apakah wujud prejudis jantina dalam pengurusan koperasi? Soalan ini telah dibincangkan dalam satu program Bicara Profesional bertajuk 'Perbezaan Kepimpinan Lelaki dan Wanita Dalam Koperasi' pada 20 Januari 2015 di Melang Inn, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Turut diadakan pada majlis anjuran Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) pada hari tersebut ialah taklimat Program Latihan MKM 2015. Seramai 111 koperator di sekitar Kuala Pilah menyertai acara tersebut. Turut hadir ialah Penolong Pengarah SKM Wilayah Kuala Pilah/Jempol, Encik Azri bin Adam.

Objektif utama program ini adalah untuk menerokai kaedah baru bagi menyelia, berunding, mengurus dan bekerjasama antara lelaki dan wanita dengan berkesan dalam mentadbir koperasi serta mempromosikan program latihan yang akan dijalankan MKM pada tahun 2015. Program telah dimulakan dengan sesi taklimat oleh Pn. Nor Arma Abu Talib selaku Pensyarah Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi. Bagi kertas kerja Bicara Profesional pula telah dibentangkan

Perbezaan Kepimpinan Lelaki Dan Wanita Dalam Koperasi

Nor Arma Abu Talib, Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

oleh Tuan Ahmad Shafiai Uda Jaafar dari Success Together Consulting.

Selesai sahaja pembentangan, sesi soal jawab diadakan bersama peserta yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi, MKM, Pn. Norbiha Kasmuri bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda koperator bahawa wanita dan lelaki mempunyai perbezaan tersendiri dan perlu menyusun sistem kerja yang sesuai mengikut gender sebagai satu pasukan yang mantap dalam koperasi agar ia dapat memaksimumkan sumbangan masing-masing.



Penceramah jemputan Tuan Ahmad Shafiai Uda Jaafar sedang memberikan ceramah



Sebahagian peserta yang hadir

»
Tetamu
VIP yang
hadir



GST: Pelaksanaan Di Pengurusan Koperasi

■ Noranita Mohd Nor, Pusat Konsultasi dan Penyelidikan



⚡ Para peserta yang hadir

Sebanyak 281 koperator telah diberi penjelasan mengenai Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) pada program Bicara Profesional bertajuk 'GST: Pelaksanaan di Pengurusan Koperasi' pada 27 Januari 2015. Program yang berlangsung di Tower Regency Hotel Ipoh anjuran Pusat Konsultasi dan Penyelidikan MKM juga mengadakan taklimat Program Latihan MKM 2015. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hassan Ahmad selaku Pengarah Kanan, Pusat Konsultasi dan Penyelidikan, MKM. Turut hadir Pengarah SKM Perak, ialah Tuan Haji Zainun Hamzan Stapa,

Timbalan Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Negeri Perak, Tuan Haji Khalis Kasim, serta Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Perak, Tuan Haji Mohd Rosli Haji Basri.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan konsep dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam koperasi dan memberikan kefahaman kepada koperasi dalam menghadapi GST serta mempromosikan kursus –kursus yang akan dijalankan di MKM



⚡ Wakil MKM, Pn. Noranita Mohd Nor

pada tahun 2015. Program ini telah dimulakan dengan sesi taklimat Program Latihan MKM 2015 yang disampaikan oleh Puan Noranita Mohd Nor selaku Pensyarah Kanan, MKM dan bagi kertas kerja Bicara Profesional pula telah dibentangkan oleh YBhg. En. Azman Jusoh selaku Penolong Kanan Pengarah Kastam II, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia menyentuh persediaan koperasi dalam melaksanakan GST, implikasi GST, kod cukai, kelayakan cukai input, memfailkan penyata GST dan bayaran serta lain-lain lagi.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab telah diadakan bersama peserta yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Pusat Konsultasi dan Penyelidikan, MKM, Tn. Hj. Hassan Ahmad bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklum balas yang dikemukakan akan dibawa kepada pihak berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda pengurusan dan ahli koperasi bahawa pelaksanaan GST dalam koperasi bukanlah satu bebanan malah dapat membantu meningkatkan pendapatan negara. Oleh hal yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.



Sebahagian peserta yang hadir



En. Azman Jusoh dan Tn. Hj Hassan Ahmad semasa sesi soal jawab

Sesi soal jawab



Peluang Koperasi dalam Krisis Ekonomi Kini

Rafedah Juhan, Pusat Perakaunan dan Kewangan



Dr. Jamaluddin Mohd Yunus berpengetahuan luas dalam bidang ekonomi

Pada 5 Februari 2015, Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF) telah menganjurkan program Bicara Profesional dengan tajuk “Peluang Koperasi dalam Krisis Ekonomi Kini”. Program ini diadakan bersempena dengan taklimat promosi Program Latihan MKM 2015 bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya.

Program yang dihadiri seramai 320 orang peserta ini bertujuan mempromosikan program latihan yang disediakan oleh MKM sepanjang tahun. Selari dengan itu program Bicara Profesional pula bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai peluang koperasi berhadapan krisis ekonomi seterusnya mengenal pasti tindakan yang boleh diambil dalam menangani cabaran ini.



Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik. Manakala taklimat promosi Program Latihan MKM 2015 pula disampaikan oleh Pengarah Pusat ACTIF, Puan Noor Zeeta Mohd Ramli.

✔ Sesi soal jawab



Bicara Profesional kali ini menampilkan penceramah jemputan dari University of Malaya Centre for Continuing Education (UMCCED), iaitu Dr. Jamaluddin Mohd Yunus. Beliau merupakan seorang pensyarah di Universiti Malaya yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang ekonomi dan berpengalaman mengendalikan program kejurulatihan perniagaan serta kepimpinan. Sesi pembentangan Bicara Profesional ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM, Puan Norwatim Haji Abd Latiff.

Antara inti pati yang disampaikan di dalam program Bicara Profesional ini ialah penjelasan mengenai keadaan sebenar isu semasa dalam konteks ekonomi Malaysia. Berdasarkan pelbagai faktor luaran ekonomi global, ekonomi negara kita kini belum lagi mencapai tahap krisis. Walau bagaimanapun,

tindakan proaktif perlu dilakukan dengan mengambil kira petunjuk ekonomi semasa yang meramalkan akan berlaku sedikit penguncupan ekonomi. Dr. Jamaluddin turut menerangkan berkenaan polisi-polisi yang sedang diambil oleh pihak kerajaan dalam mengawal situasi ekonomi semasa supaya terus kekal stabil. Ini membolehkan banyak peluang wujud dan boleh direbut oleh gerakan koperasi.

Terdapat tiga strategi perniagaan yang boleh dipertimbangkan oleh koperasi dalam keadaan ekonomi sekarang, iaitu sama ada pengembangan (expansion), kepelbagaian (diversification) dan penggabungan (consolidation). Pada akhir pembentangan, sesi soal jawab telah diadakan bagi membolehkan para peserta berdiskusi dan mendapatkan penjelasan lebih lanjut berkenaan isu ekonomi negara serta peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan oleh koperasi dalam keadaan ekonomi kini.

Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklum balas baik daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Program ini telah berjaya memberikan pendedahan berkenaan isu ekonomi semasa kepada para peserta secara lebih mendalam. Program ini juga telah berjaya memberikan panduan kepada peserta dalam mengenal pasti strategi yang boleh diguna pakai dalam merebut peluang yang ada demi meningkatkan pendapatan koperasi dan memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia.



✔ Penyampaian cenderahati kepada penceramah, Dr. Jamaluddin Mohd Yunus

Lawatan Program Kepakaran Koperasi Perhotelan di Jakarta, Indonesia

■ Nor Arma Abu Talib, Pusat Tadbir Urus & Perniagaan

Dua orang pegawai Maktab Koperasi Malaysia (MKM) terpilih menjalani latihan kepakaran koperasi di Jakarta antara 25 Disember 2014 hingga 3 Januari 2015. Pegawai Latihan MKM Petaling Jaya iaitu Pn. Nor Arma Abu Talib dan Cik Norhazilina Abd Halim dari MKM Zon Timur telah diberi peluang menjalani program kepakaran di dua buah koperasi yang menjalankan aktiviti perhotelan di Jakarta, Indonesia. Koperasi tersebut adalah Induk Koperasi Angkatan Udara (INKOPAU) dan Induk Koperasi Kredit (INKOPDIT). Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai kejayaan koperasi tersebut.

Kehadiran pegawai disambut baik oleh Pegawai Perhubungan Antarabangsa, Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN) iaitu En. Ilham Nasai dan beberapa pegawai DEKOPIN walaupun pejabat ditutup berikutan cuti panjang Krismas. Mereka memberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan DEKOPIN serta sedikit sebanyak maklumat mengenai koperasi yang bakal dilawati. Menurut En. Ilham Nasai, gerakan koperasi Indonesia telah bermula seawal tahun 1886 dan sehingga tahun 2014 sebanyak 206,000 unit koperasi telah ditubuhkan di seluruh Indonesia.

✓ Suasana dewan makan di Griya Bhima Sakti milik INKOPAU



✧ Penulis bergambar kenangan di hadapan bangunan lama pejabat DEKOPIN di Jakarta Selatan.



✧ Penulis bersama En Abat Elias, Pengurus Besar INKOPDIT di ruang receptionist hotel.



✧ Tanda ingatan MKM kepada Pengurus Griya Bhima Sakti

Lawatan ke INKOPAU telah menemukan Pegawai Latihan MKM dengan Encik Mijan Ardiansa yang merupakan Pengurus kepada hotel koperasi yang dinamakan Griya Bhima Sakti yang terletak di Jakarta Selatan. Lawatan seterusnya ke INKOPDIT di Jalan Gunung Sahari menemukan Pegawai Latihan MKM dengan Pengarah Utama Hotel Inkopdit iaitu En. Abat Elias. Mereka telah memberikan pendedahan dan taklimat kepada Pegawai Latihan tentang pengurusan serta operasi aktiviti perhotelan yang dijalankan koperasi masing-masing.

Melalui program sangkutan kepakaran seumpama ini, Pegawai Latihan bukan sahaja mendapat pendedahan tentang gerakan koperasi di peringkat antarabangsa malah dapat membina rangkaian perhubungan antara koperasi tersebut dengan gerakan koperasi di Malaysia yang seterusnya akan membangunkan gerakan koperasi bagi kedua-dua negara.



En. Suhaimi Yaacob dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia negeri Kelantan menyampaikan kertas kerja bertajuk Konsep GST Malaysia, Perakaunan GST dan Kesan GST ke atas Koperasi

GST Malaysia telah dilaksanakan bermula pada April 2015. Namun belum sempat cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan, sudah banyak telahan dan ramalan tentang pelaksanaannya yang akan mengundang pelbagai masalah seperti kenaikan kadar inflasi negara serta kenaikan harga barangan. Justeru dalam merungkai kemelut antara kebimbangan dan ketidakfahaman mengenai GST Malaysia dalam kalangan pemimpin koperasi sebelum ini, MKM Cawangan Timur telah mengadakan Bicara Profesional bertajuk Kesedaran dan Latihan GST Malaysia di Hotel Crown Garden, Kota Bharu Kelantan bermula pada 17-18 Disember 2014 lalu. Peserta terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi dan Pengurusan Kanan Koperasi seramai 161 orang.

Kertas kerja dalam program ini dibentangkan oleh Penolong Pengarah Kastam dari Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia negeri Kelantan, En. Suhaimi bin Yaacob bertajuk Konsep GST Malaysia, Perakaunan GST dan Kesan GST ke atas Koperasi. Manakala Penolong Pegawai Penguatkuasa, KPDNKK negeri Kelantan, En. Rusdi Bin Ibrahim membentangkan kertas kerja Akta Kawalan Harga dan Pencatutan.

Keseluruhannya, program dapat memberikan kesedaran dan kefahaman kepada kepimpinan koperasi melalui pencerahan terhadap konsep GST Malaysia sehinggalah kepada pendaftaran dan tuntutan terhadap cukai input. Selain itu, para peserta juga didedahkan mengenai kawalan harga dan antipencatutan bagi memastikan hak pengguna tidak dicabuli oleh rantaian pengedaran yang rakus.



Sambutan mengalakkan daripada peserta koperasi

Kesedaran Dan Latihan GST

Muhamad bin Yusof, MKM Zon Timur



En. Rusdi Ibrahim dari KPDNKK negeri Kelantan menyampaikan kertas kerja Akta Kawalan Harga dan Pencatutan



Lawatan Mesra ke Koperasi di Serian, Sarawak

Frank Me-Oi, MKM Cawangan Sarawak



⚡ Bergambar kenangan

Sebagai pusat rujukan dan latihan koperasi terunggul di Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) perlu lebih proaktif dalam mengambil pendekatan untuk mendekati dan mengambil maklum permasalahan dan isu yang timbul dalam pengurusan koperasi seperti latihan, bimbingan dan khidmat nasihat; serta membantu menangani setiap permasalahan yang dihadapi. Langkah ini penting sebagai pemangkin imej MKM, selain memberi keyakinan dan motivasi kepada koperasi agar terus kukuh dan mantap dalam menjalankan pengurusan dan pentadbiran serta operasi seharian di koperasi.

Menyedari perkara tersebut, MKM Cawangan Sarawak telah mengambil inisiatif mengadakan lawatan mesra ke beberapa buah koperasi di sekitar daerah Serian dan lokasi koperasi tersebut berada agak jauh dari bandar Serian. Di samping lawatan mesra, MKM Cawangan Sarawak juga mengambil peluang menjalankan taklimat Program Latihan MKM

Cawangan Sarawak 2015 kepada ALK koperasi berkenaan. Program yang bermula dari 12 sehingga 14 Januari 2015 telah melibatkan 12 buah koperasi dan berjaya mendapatkan jumlah penyertaan melebihi 60 orang ALK koperasi. Antara koperasi terlibat termasuklah Koperasi Bela Rakyat Tarat Serian Bhd., Koperasi Batuh Silabur Serian Bhd., Koperasi Bunan Serian Bhd., Koperasi Komuniti Kampung Mujat Serian Bhd., Koperasi Mongkos Serian Bhd., Koperasi Plaman Bantang Serian Bhd., Koperasi Paon Gahat Serian Bhd., Koperasi Pridan Serian Bhd., Koperasi Bugu Tembawang Serian Bhd., Koperasi Penanam Sawit Mampan Serian Bhd., Koperasi Lebur Baru Serian Bhd. dan Koperasi Mentu Pondok Serian Bhd..

Selain itu, taklimat program latihan sebegini juga turut diadakan di Dewan Ranchan Serian pada 13 Januari 2015 yang melibatkan 16 buah koperasi yang berada di lokasi berdekatan dengan bandar Serian. Taklimat ini dihadiri lebih daripada 40 orang peserta yang terdiri daripada ALK, anggota dan pengurusan koperasi. Turut sama menjayakan program pada hari tersebut adalah Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bahagian Samarahan En. Hamzah Suni. Semasa sesi soal jawab diadakan, kebanyakan soalan yang diajukan oleh pihak koperasi adalah berkaitan dengan bidang tugas SKM.

Hasil daripada lawatan dan taklimat tersebut, pihak MKM Cawangan Sarawak dan SKM bukan sahaja berjaya merapatkan hubungan silaturahim dan memberi kesedaran berkenaan kewujudan program latihan serta kepentingannya kepada warga koperator bahkan mampu mengetahui isu dan masalah yang dihadapi oleh koperasi bagi tujuan rekod dan perangkaan, di samping memberikan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bimbingan dan latihan.



Industri Hartanah: Perkembangan, Isu Dan Cabaran Pelaksanaannya

■ Christopher John Baptist, MKM Cawangan Sarawak

Pada 15 Januari 2015 telah berlangsung program Bicara Profesional bertemakan "Industri Hartanah: Perkembangan, Isu dan Cabaran Pelaksanaannya" anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak di Hotel Imperial, Kuching Sarawak. Seramai 209 orang peserta daripada lebih 60 buah koperasi khususnya bahagian Kuching di negeri Sarawak turut sama memeriahkan program tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah MKM Cawangan



▲ Program dirasmikan oleh Pn. Siti Maimunah binti Jerni, Pengarah MKM Cawangan Sarawak

kertas kerja. Sebelum bermulanya program Bicara Profesional ini, promosi program MKM 2015 telah berlangsung dan disampaikan oleh Encik Christopher John Baptist selaku Pegawai Latihan Kanan Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak.

Objektif utama program Bicara Profesional ini adalah untuk mendedahkan kepada peserta tentang peluang perniagaan di dalam bidang hartanah, berkongsi pengalaman dan kejayaan koperasi yang terlibat dalam perniagaan hartanah dan wahana promosi program latihan dan pendidikan yang disediakan oleh



▲ En. Radiatul Fitri bin Dollah pembentang dari SKM

Sarawak, Yang Berusaha Puan Siti Maimunah binti Jerni dan turut dihadiri oleh beberapa tetamu jemputan dari agensi KPDKK antaranya Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak, Encik Abbas Bin Abu Bakar, Pengerusi Angkasa, Tuan Haji Yusuf Samah, Wakil MyIPO, Cik Goh Ai Mei, wakil KPDKK, Puan Lena dan dua orang pembentang



▲ Sambutan yang amat menggalakkan daripada koperator



▲ Pembentang kedua oleh Tn. Hj. Mazlan bin Mustaffa

MKM sepanjang tahun 2015. Pada masa yang sama, program tersebut juga diharap dapat mewujudkan jalinan kerjasama di antara koperasi dengan koperasi serta syarikat swasta selaras dengan prinsip keenam koperasi iaitu menjalinkan kerjasama antara koperasi.

Melihat kepada tajuk Bicara Profesional, adalah menjadi peranan MKM untuk terus mengetengahkan idea-idea dan pendekatan baru di dalam memacu perniagaan koperasi dan bidang perniagaan. Idea-idea ini diketengahkan melalui ceramah pertama mengenai Potensi Industri Hartanah membangun Ekonomi Koperasi yang disampaikan oleh Encik Radiatul Fitri bin Dollah dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan ceramah kedua mengenai Perkongsian Pengalaman oleh Pengurus Besar Kanan, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad Kedah, Tuan Haji Mazlun bin Mustaffa.

Dalam pembentangan kertas kerja ini, kedua-dua penceramah mengatakan bahawa perniagaan Industri Hartanah: Perkembangan, Isu Dan Cabaran Perlaksanaannya telah mengalami perkembangan yang terlalu pesat ini seharusnya dijadikan peluang oleh sektor koperasi dan ianya perlu direbut bersama dengan sektor lain seperti swasta dan kerajaan. Kesungguhan pihak kerajaan menggalakkan

penglibatan koperasi di dalam perniagaan Industri Hartanah ini dapat dilihat melalui Dasar Koperasi Negara Kedua (DKN II) di mana teras strategik pertama kerajaan adalah menggalakkan sektor koperasi agar terus melabur di dalam bidang baru berteknologi tinggi. Teras strategik kedua pula menekankan agar koperasi mengaplikasikan teknologi moden di dalam perniagaan seharian. Koperasi harus sedar bahawa Industri Hartanah bukan sahaja menjanjikan pulangan yang lumayan tetapi membantu koperasi mencapai sasaran kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Diharapkan pendedahan maklumat secara praktikal dan perkongsian pengalaman oleh kedua-dua pembentang kertas kerja, mampu membuka mata para koperator di Sarawak khususnya bahawa koperasi mempunyai kemampuan dan potensi untuk menjalankan perniagaan tersebut. Secara keseluruhannya program ini telah pun membuka asas dan ruang untuk para koperator mendapatkan idea, cadangan dan maklum balas positif berkenaan industri tersebut. Harapan MKM agar segala maklumat yang diperoleh menjadi satu bekalan dan persediaan kepada para koperator sebelum memulakan perniagaan. Ia bagi memastikan sektor koperasi terus membangun dan menyumbang kepada negara.



▲ Pelbagai pertanyaan diajukan kepada pembentang



▲ Barisan tetamu jempunan

✓ Penceramah (kanan) menjawab pelbagai pertanyaan yang diajukan oleh peserta



Tidak syak lagi ketahanan dan daya saing amat diperlukan untuk menjayakan keusahawanan koperasi. Hanya dengan daya saing yang tinggi akan menjamin keupayaan gerakan koperasi dalam apa juga industri dan sektor ekonomi negara.

Menyedari hakikat ini, Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara (MKMZU) telah mengatur langkah awal dengan menganjurkan Bicara Profesional bertajuk “Daya Saing Usahawan Koperasi” pada permulaan tahun baharu 2015. Program yang berlangsung pada 28 Januari 2015 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis bertujuan meningkatkan motivasi ahli koperasi untuk melakukan anjakan diri ke arah pembentukan personaliti usahawan yang lebih teguh bagi mendepani cabaran perniagaan yang semakin sukar.

Walaupun ini julung kalinya MKMZU mengadakan Bicara Profesional di negeri Indera Kayangan, namun sambutan daripada ahli koperasi amat memberangsangkan. Kehadiran 180 orang peserta yang terdiri daripada ahli koperasi dan pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) ke program ilmu ini telah berjaya menterjemahkan fikiran bernas dengan idea baharu yang lebih segar bagi memacu perniagaan dan menyaingi kehendak pasaran.

Majlis perasmian Bicara Profesional ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah SKM Cawangan Negeri Perlis, YBhg. Encik Zainudin Sulaiman. Dalam ucapan perasmian,

Daya Saing Usahawan Koperasi

■ Norafidah binti Ismail @ Yaacob, Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara

beliau telah menyarankan agar koperasi khususnya di Perlis meningkatkan pencapaian koperasi melalui perluasan aktiviti ekonomi dan peningkatan pendapatan dalam perniagaan yang diceburi. Di samping itu, beliau turut menegaskan supaya koperasi sentiasa mematuhi perundangan koperasi dan mengaplikasikan tadbir urus yang baik dalam setiap urusan pentadbiran koperasi.

Menyingkap kembali inti pati Bicara Profesional ini, banyak pengetahuan dan pengalaman berharga yang diperoleh para peserta. Ini kerana penceramah jemputan program ini merupakan seorang usahawan yang berjaya membawa kemajuan kepada koperasi yang diterajuinya. Beliau adalah YBhg. Datuk Haji Yusra bin Sabar selaku Pengerusi Koperasi Bank Persatuan Malaysia Bhd. Mengulas tentang pengisian ceramah, beliau telah berkongsi rahsia kejayaan bagi menjamin kelangsungan hayat sesebuah perniagaan. Ke arah itu, beliau telah menggariskan lima perkara utama yang perlu difokuskan oleh koperasi dalam merencanakan strategi, iaitu mengenali sasaran pelanggan; menceburi bidang perniagaan yang diminati; mengenali pesaing dalam perniagaan; mengukuhkan kewangan dan aliran tunai serta mengenal pasti kelebihan dalam persaingan. Di penghujung program, para peserta tidak melepaskan peluang mengajukan pertanyaan kepada beliau bagi merungkaikan persoalan yang dihadapi serta memberi nilai tambah kepada maklumat yang diperoleh.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa program Bicara Profesional ini berjaya mencapai objektifnya dalam mengorak langkah awal memperkasakan usahawan koperasi melalui pendekatan yang lebih berdaya saing. MKMZU berharap agar program ini dapat membakar semangat para peserta mengemudi koperasi masing-masing dengan penuh iltizam.

✓ Sambutan yang mengalakkan daripada para koperator



Misi Bantuan Mangsa Banjir

Aaima Binti Ibrahim, Pelajar Pusat Pendidikan Tinggi

Banjir besar yang menutup tirai tahun 2014 telah memusnahkan harta benda bernilai berjuta-juta ringgit. Berpuluh ribu kediaman di Kelantan, Perak dan Pahang telah musnah sama sekali. Lebih malang lagi banjir terburuk itu telah meragut beberapa nyawa. Kesedihan dan kepiluan ada di mana-mana dan kesannya terasa hingga ke saat ini. Sebagai tanda prihatin, MKM turun padang menyalurkan bantuan kepada mangsa terlibat. Mengambil inisiatif ini, pihak MKM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menghantar wakil bagi misi bantuan kemanusiaan ke beberapa buah negeri yang terlibat. Beberapa lokasi telah dikenal pasti dan sebanyak tiga kumpulan yang diwakili oleh pelajar diploma dan ijazah MKM telah bersama-sama dalam misi bantuan ini. Antaranya ialah ke Kelantan, Perak dan Pahang.

Penghantaran kumpulan pertama iaitu pada 21-22 Januari 2015 telah melibatkan pihak KPDNKK bersama-sama 30 orang pelajar diploma dan ijazah ke kawasan yang paling teruk dilanda bencana banjir besar itu iaitu ke Kuala Krai, Kelantan. Pegawai pengiring yang terlibat dalam menjayakan misi bantuan ini ialah Pegawai Latihan MKM, En. Megat Aizam dan En. Intiran. Pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan seperti membekalkan barangan keperluan dan membersihkan kawasan yang dilanda lumpur.

Seterusnya, penghantaran kumpulan kedua telah dilakukan iaitu pada 23 Januari 2015 yang melibatkan 40 orang pelajar di Kg Bera, Pahang. Misi bantuan yang dianjurkan oleh Maktab Koperasi Malaysia itu turut disertai warga kerja MKM yang bersama-sama merasai keperluan yang ditanggung mangsa banjir besar itu. Pelbagai bantuan disumbangkan warga kerja MKM dan juga individu perseorangan dalam bentuk wang tunai dan bahan keperluan asas. Hubungan baik antara MKM dan penduduk Bera sejak dulu lagi dapat diteruskan dengan



penglibatan kerjasama MKM dan penduduk Bera dalam misi bantuan banjir ini.

Penghantaran misi bantuan ketiga pula melibatkan kerjasama MKM dengan Majlis Belia Selangor pada 26 Januari 2015. Program ini turut disertai dengan pelbagai institut pendidikan di seluruh negara yang berlangsung di Maran, Pahang. Seramai 25 orang pelajar telah terlibat dengan diiringi oleh dua orang pegawai latihan MKM. Misi bantuan seperti pembersihan kawasan bencana dan pemulihan rumah-rumah yang telah musnah akibat banjir. Selain itu, program ini juga melibatkan pemunggahan barang keperluan asas hasil kutipan derma yang dilakukan di seluruh Malaysia melalui Majlis Belia Selangor. Para pelajar bekerjasama dengan orang ramai dalam membahagikan bantuan keperluan asas ini mengikut negeri yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, misi bantuan banjir ini telah memberi manfaat berguna kepada para pelajar dalam mendidik mereka menjadi insan berguna khususnya kepada masyarakat. Kerjasama antara pihak KPDNKK, MKM, Majlis Belia Selangor, penduduk kampung yang terlibat dilihat sebagai satu titik tolak dalam mengeratkan hubungan dan saling bantu-membantu antara satu sama lain.



Pada 11 Mac 2015 yang lalu, satu program gotong-royong telah diadakan di Pusat Pendidikan Tinggi, MKM Jalan Selangor. Seramai 234 orang pelajar semester 3 dan 4 Diploma Pengurusan Koperasi telah bersama-sama menyertai aktiviti gotong-royong di mana melibatkan aktiviti pembersihan bangunan IEM dan UDA. Turut serta dalam aktiviti ini ialah warga kerja Pusat Pendidikan Tinggi (PPT) serta Bahagian Penyelenggaraan dan Kejuruteraan (BPK), Maktab Koperasi Malaysia. Program gotong-royong ini diadakan bertujuan bagi membersihkan dan menceriakan kawasan sekitar Pusat Pendidikan Tinggi di mana lokasi ini melibatkan kawasan pembelajaran pelajar.

Program yang bermula pada jam 9.00 pagi ini telah dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh En. Hairul Nizam Mohd Rosli dari BPK. Para pelajar dan warga kerja MKM dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi memudahkan aktiviti berjalan dengan lancar mengikut tugas dan kawasan yang telah ditetapkan. Antara kawasan-kawasan tumpuan dalam program gotong-royong ini adalah mengecat pagar di bangunan IEM dan UDA, membersihkan dan mengecat asrama lelaki, serta menceriakan pejabat pentadbiran Pusat Pendidikan Tinggi. Para pelajar melahirkan rasa gembira sepanjang aktiviti ini berlangsung. Aktiviti ini

Program Gotong-royong Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi

Anjuran Pusat Pendidikan Tinggi, Maktab Koperasi Malaysia

■ Nur Syazwani Zainul Abidin, Pusat Pendidikan Tinggi



🔥 Aktiviti mengecat

dilihat dapat mengeratkan hubungan pelajar dan warga kerja MKM di mana mereka bersama-sama melaksanakan kawasan masing-masing dan saling tolong menolong membersihkan alam sekitar. Tepat jam 3.00 petang, aktiviti gotong royong ini berakhir dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, program gotong-royong ini dilihat dapat mewujudkan sikap kerjasama, tolong-menolong dan mewujudkan suasana muhibah dan silaturahim di antara pelajar serta warga kerja Pusat pendidikan Tinggi. Program ini juga dapat mendidik para pelajar untuk mementingkan aspek kebersihan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Persekitaran pembelajaran yang baik juga dilihat sebagai aspek penting dalam menghasilkan modal insan yang sihat dan selamat. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan oleh pelajar-pelajar MKM pada masa akan datang.



Lawatan Kerja Anggota Lembaga Pengaruh MKM Ke Koperasi Warga USM Kelantan Berhad



⚡ Barisan Anggota Lembaga Pengarah MKM bersama Pengerusi Lembaga MKM (tengah)

Mesyuarat Lembaga Pengarah MKM Bil. 1/2015 bersekali dengan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) buat julung kalinya telah diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 25 Februari 2015. Bersempena dengan mesyuarat tersebut, sebagai pengisiannya, satu lawatan kerja ke Koperasi Warga USM Kelantan Berhad diketuai oleh Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM telah diadakan. Lawatan tersebut bersempena dengan Majlis Perasmian Pasar raya dan Kopitiam Koperasi di Hospital Universiti Sains Malaysia Kelantan.

Kunjungan Anggota Lembaga Pengarah MKM adalah untuk meninjau pencapaian dan kejayaan koperasi warga USM Kelantan Berhad. Koperasi yang telah memiliki aset seperti bangunan koperasi, dua buah kedai runcit, sebuah Anjung Café dan sebuah Kopitiam. Selain itu, koperasi turut menjalankan aktiviti Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Dialisis.

Seramai 200 orang tetamu termasuk Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai SKM Negeri Kelantan serta koperasi-koperasi terpilih yang mendapat dana bantuan koperasi dari SKM menghadiri majlis perasmian tersebut. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nik Ali



⚡ Persembahan seni silat sebagai gimik pelancaran

⚡ Azman Mohd Ghazali, Pengarah Pentadbiran Azlifah Abas, MKM Zon Timur



⚡ Majlis Perasmian Pasar raya dan Kopitiam Koperasi Warga USM Kelantan Berhad yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk NIK Ali bin Mat Yunus, Pengerusi eksekutif SKM



⚡ Lawatan ke Farmasi Lestari. Salah satu bidang perniagaan koperasi Warga USM Kelantan Berhad

bin Mat Yunus, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah MKM.

Pada akhir lawatan, rombongan dipersembahkan dengan acara pencak silat dari kumpulan pencak silat di negeri Kelantan. Tetamu turut disajikan dengan sajian masakan Kelantan di Kopitiam dan perkarangan Kopitiam Koperasi.

KHIDMAT KONSULTASI KOPERASI

PENGENALAN

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) atas dasar untuk memberi pendidikan, maklumat dan latihan kepada koperator secara formal dan tidak formal. Khidmat konsultasi dan khidmat nasihat merupakan pendidikan secara tidak formal yang diterapkan oleh MKM kepada koperasi dan koperator.

Khidmat konsultasi dan khidmat nasihat juga merupakan cara terbaik untuk turun ke akar umbi koperasi bagi menyelami masalah yang dialami oleh koperasi dan dapat menerapkan elemen setempat untuk menyelesaikan masalah tersebut berdasarkan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Garis Panduan, Aturan dan lain-lain peraturan.

Pendekatan khidmat konsultasi dan khidmat nasihat ialah membantu koperasi ke arah penambahbaikan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran dengan kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan koperasi dalam keadaan semasa. Selain itu, khidmat konsultasi dan khidmat nasihat merupakan salah satu fungsi yang telah ditetapkan dalam Akta MKM dan perlu diketengahkan selaras dengan perkembangan dan perubahan gerakan koperasi masa kini.

BIDANG YANG DITAWARKAN

Berdasarkan kepada perkembangan gerakan koperasi semasa berasaskan kepada fungsi koperasi maka didapati terdapat kepelbagaian aktiviti koperasi seperti kredit dan perbankan, pertanian, pembangunan hartanah, pelancongan, pengangkutan, kesihatan, peruncitan dan sebagainya.

Dalam melaksanakan perniagaan koperasi mengikut aktiviti di atas, mungkin pihak koperasi menghadapi halangan dan masalah untuk merealisasikan objektif setiap aktiviti tersebut. Oleh itu, Pusat Konsultasi dan Penyelidikan menawarkan khidmat nasihat dan konsultasi dalam bidang seperti berikut:

- Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- Perakaunan dan Kewangan Koperasi
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Perniagaan Koperasi
- Pengurusan Strategik
- Pengurusan Am

CARTA ALIRAN PERMOHONAN



CARA MEMOHON

Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

PUSAT KONSULTASI DAN PENYELIDIKAN

Maktab Koperasi Malaysia, 103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7964 9000

Faks: 03-7954 3957

E-mel: konsultasi@mkm.edu.my

Borang permohonan khidmat konsultasi juga boleh dimuat turun di www.mkm.edu.my

Pelan Transformasi MKM Menubuhkan Kolej iCOOP

Tn Hj. Ramlan Kamsin
Ju Shamsuddin Safian

Pengenalan

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) merupakan Institusi Pendidikan Koperasi yang diiktiraf oleh gerakan koperasi di Malaysia dan dirantau Asia sebagai antara penyumbang utama dalam membangunkan modal insan gerakan koperasi. MKM telah ditubuhkan pada 1956 dan diperbadankan pada 1968 melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968. MKM diberi tanggungjawab melatih dan melahirkan anggota koperasi yang kompeten selaras dengan hasrat Dasar Koperasi Negara yang mengharapkan koperasi dapat memberi sumbangan sebanyak RM50 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang 2020.



Transformasi MKM

MKM ditubuhkan sezaman dengan Dewan Latehan RIDA pada tahun 1956. Dewan Latehan RIDA ini kemudiannya berevolusi menjadi Maktab MARA pada 1965, Institut Teknologi MARA pada 1968, dan dinaiktaraf menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2000. Manakala MKM masih kekal menjadi sebuah pusat latihan yang bertaraf Maktab. Transformasi Maktab Perguruan kepada Institut Perguruan dan menjadi Universiti Pendidikan Sultan Idris merupakan satu langkah proaktif yang perlu diteladani. Adalah wajar MKM dinaik taraf setelah 59 tahun memainkan peranan untuk melatih Lembaga koperasi khususnya melalui kursus jangka pendek dan pengendalian program pendidikan tinggi sejak 1991 melalui penawaran program Diploma Pengurusan Koperasi.

Usaha untuk mentransformasi MKM kepada Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) merupakan idea yang paling ideal tetapi cabaran untuk merealisasikannya memakan masa yang panjang dan sukar diramal peluangnya. MKM mengambil inisiatif mentransformasikan Pusat Pendidikan Tingginya yang mengendalikan program jangka panjang melalui penubuhan sebuah kolej swasta.. Pelan transformasi pendidikan MKM akan mengambil masa 10 tahun melalui anak syarikat MKM yang ditubuhkan iaitu MKM Global Holding Sdn Bhd (MKMGH). MKMGH telah menubuhkan kolej swasta yang akan dinamakan sebagai Kolej iCOOP yang akan beroperasi pada tahun 2015 dan disasarkan berkembang menjadi Kolej Universiti Koperasi Malaysia (KUKoM) pada tahun kelima beroperasi dan seterusnya KUKoM akan dinaikan taraf sebagai Universiti Koperasi Malaysia (UKoM) menjelang tahun 2024.

Titik Permulaan Perubahan

Dalam ucapan semasa Majlis Berbuka Puasa MKM 2013, Yang Berhormat Menteri KPDNKK, Dato' Sri Hasan Malek telah menegaskan bahawa MKM perlu dinaiktaraf sepertimana evolusi UiTM. Hasrat ini diperkukuhkan lagi oleh saranan YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia sewaktu melancarkan Hari Koperasi Negara (HKN) 2013 pada 24 Ogos 2013 telah mengesyorkan supaya MKM membuat kajian terperinci mengenai kemungkinan untuk menaik taraf MKM menjadi kolej universiti.

Antara perkara asas yang dipertimbangkan dalam tranformasi ini ialah pertama, Malaysia belum wujud lagi universiti koperasi dan penubuhan Kolej iCOOP ini akan mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan khusus untuk koperasi di rantau Asia Tenggara dan menjadi rujukan koperasi dari negara-negara di dunia.

Kedua, Kewujudan Kolej iCOOP kelak adalah berbeza



dari IPT lain. Ia memfokuskan bidang kebitaraannya atau 'niche' berkaitan koperasi atau ekonomi komuniti bagi mewujudkan satu ekosistem kehidupan masyarakat yang memberi impak kepada peningkatan pembangunan ekonomi negara berdasarkan prinsip, falsafah dan nilai-nilai murni koperasi yang diterima pakai di semua negara di dunia. Bidang kebitaraan ini menjadikan KUKoM sebagai 'boutique university'.

Ketiga, Status MKM itu sendiri sebagai pengendali program diploma yang berstatus badan berkanun telah menyebabkan pelajarinya tidak mendapat pembiayaan pendidikan dari PTPTN. Melalui penubuhan Kolej iCOOP yang berstatus IPTS itu nanti akan membolehkan masalah pembiayaan pelajar dapat diatasi dan lebih ramai graduan dapat dilahirkan bagi melonjakkan tahap pengurusan dan pentadbiran koperasi ke arah profesional.

Keempat, Penubuhan kolej iCOOP ini akan dapat merealisasikan hasrat kerajaan dalam mencapai Dasar Koperasi Negara 2020. Melalui latihan secara intensif dalam bidang koperasi KUKoM akan menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk mengisi jawatan Pengurus/Pegawai Kewangan/Setiausaha/Pekerja yang terlibat dalam sektor koperasi.

Kelima Sebagai agensi di bawah seliaan kerajaan, KUKoM akan dapat menjana pendapatan daripada yuran yang dikenakan kepada pelajar seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan.

Keenam, diperingkat UkoM akan dapat memberikan peluang peningkatan kerjaya kepada kakitangan MKM dengan mewujudkan gred-gred jawatan baru selaras dengan latar belakang pendidikan, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki.

Perancangan Kolej iCOOP

Setelah berjaya memiliki lesen pengendalian kolej swasta, Kolej iCOOP akan mengambilalih peranan Pusat Pendidikan Tinggi MKM dengan menawarkan program diperingkat Diploma dan vokasional. Kolej juga akan mengambil langkah proaktif dengan memulakan perbincangan untuk melaksanakan program franchais di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana daripada beberapa IPTA dan IPTS terkemuka dalam dan luar negara. Turut sama berada dalam perancangan ini ialah untuk melaksanakan program teknikal dan vokasional (TVET) seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025.

Kolej iCOOP dijangka akan beroperasi di premisnya yang terletak di kampus Damansara Damai menjelang akhir tahun nanti. Kolej ini bakal dilengkapi dengan kemudahan suasana pendidikan abad 21 yang berasaskan kepada pembelajaran berfokuskan pelajar dalam suasana kondusif, moden dan menggunakan teknologi terkini.



Lain padang lain belang.

Kehadiran Kolej iCOOP dalam industri pendidikan swasta bukanlah untuk menyaingi IPTS dan IPTA yang ada semamata. Berbekalkan kelebihan dari segi keunikan program yang ditawarkan yang tidak ditawarkan oleh mana-mana IPTA dan IPTS di Malaysia, Kolej iCOOP yakin akan dapat berkembang pesat dan berjaya mencapai objektif penubuhannya. Berdasarkan peluang pasaran yang tersedia iaitu anggota koperasi seramai lapan juta orang (8 juta) dan bilangan koperasi yang melebihi 12,000 koperasi serta bilangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 yang berjumlah melebihi 400,000 orang bakal menjadi sasaran pelanggan Kolej. Pertumbuhan pesat koperasi di Malaysia dan rantau Asia serta keperluan koperasi untuk memiliki barisan kepimpinan yang berkualiti dan berpengetahuan, tenaga kerja yang berkemahiran dan anggota berpengetahuan bakal memberi peluang yang besar kepada Kolej iCOOP untuk menawarkan produk yang diperlukan oleh gerakan koperasi. Sesungguhnya perjuangan Kolej iCOOP selari dengan strategi lautan biru iaitu cuba tidak bersaing dengan institusi pendidikan lain dengan menawarkan sesuatu produk yang memiliki keunikan, daya tambah nilai dan pelaksanaan strategi perbezaan produk.

Kesimpulan

Kejayaan proses tranformasi pendidikan koperasi melalui Kolej iCOOP amat besar ertinya bukan sahaja kepada MKM malah gerakan koperasi di Malaysia dan serantau. Proses tranformasi ini memerlukan sokongan dan keyakinan tidak berbelah bahagi dari kepimpinan koperasi umumnya, MKM dan MKMKGH khususnya. Keunikan, kreativiti, inovasi dan semangat koperasi akan diterapkan pada tiap produk yang akan dipasarkan oleh Kolej iCOOP. Hubungan simbiosis antara MKM, Kolej iCOOP dan gerakan koperasi di Malaysia merupakan paksi utama dalam menentukan kejayaan dan pencapaian impian jutaan anggota koperasi yang dahagakan perubahan dan angin baru dalam pendidikan koperasi.



HUBUNGI KAMI :

MKM GLOBAL HOLDINGS SDN BHD

(Anak Syarikat Milik Penuh Maktab Koperasi Malaysia)

No 21, Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

No Telefon: +603-7952 4507 / 03-7952 4646

No Fax: +603-7955 0863



**CADANGAN
KAMPUS
BARU**

**PELUANG
KERJAYA
11,450***
KOPERASI DI
MALAYSIA

**ASRAMA
PERCUMA
UNTUK
1 TAHUN***

**PERCUMA
KURSUS
USAHAWAN &
UBS Accounting***
Bernilai
RM2,500

**YURAN
KOMPETITIF &
DISKAUN
DISEDIAKAN***

DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (Sepenuh Masa) (MQA/FA0907)



**Pendaftaran Online Sesi Jun 2015
Dibuka Sekarang!!!
Sila daftar di : www.mkm.edu.my**

* Program diuruskan oleh MKMGH (anak syarikat milik penuh MKM)

- KELEBIHAN KAMI**
- Berpengalaman mengendalikan program koperasi sejak 1956.
 - Bepeluang melawat koperasi luar / dalam negara.
 - Program pengajian koperasi paling **KOMPREHENSIF** di Malaysia.
 - 90% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat belajar.
 - Lokasi premis dan prasarana yang strategik.
 - Satu-satunya institusi yang laksanakan Program jangka panjang bidang Koperasi di Malaysia.

**Daftar
Sekarang!!!**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN
20 JUN 2015**

*Tawaran ini tertakluk kepada terma dan syarat

**PERCUMA
IPAD* T&C**



**21ST
CENTURY
STUDY
ENVIRONMENT**

ALAMAT MKM



**Ibu Pejabat,
Maktab Koperasi Malaysia,**
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 – 7964 9000
Faks: 03 – 7957 0434/03-7954 3957/ 03-7957 9076
E-mel: mkm@mkm.edu.my
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

Pusat Pendidikan Tinggi

No. 21, Jalan Selangor, Seksyen 6,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7952 4500

Faks: 03-7955 0863

E-mel: ppt@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah,

Tingkat 5, Menara MAA,
Lorong 6, Api-Api 1,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel: 088-240812

Faks: 088-241802

E-mel: mkmsabah@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak,

Bangunan Rugayah,
Jalan Song Thian Cheok,
Peti Surat B241,
93100 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-230409

Faks: 082-230405

E-mel: mkmsarawak@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Timur,

No. 13, Jln. Kerayong 4,
28200 Bera,
Pahang Darul Makmur.

Tel: 09-2506529

Faks: 09-2506530

E-mel: mkmctimur@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan,

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama, Jalan Dhoby,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

Tel: 07-2262119

Faks: 07-2262125

E-mel: mkmcselatan@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara,

No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7337527

Faks: 04-7337532

E-mel: mkmcutara@mkm.edu.my